

Laman Tafaqquh

Kempen Membaca al-Quran Bahagian 3 (Terakhir)



Firman Allah SWT...

Kitab Al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa;

al-Baqarah : 2

- Allah telah berfirman dengan jelas bahawa al-Quran adalah sebuah kitab yang sempurna dan tidak dapat sebarang keraguan padanya.
- Al-Quran juga merupakan hidayah atau pun petunjuk yang telah diturunkan oleh Allah kepada orang-orang yang bertakwa dan beramal soleh kerana hanya golongan-golongan ini sahaja yang menyedari dan menghargai tentang kebesaran al-Quran.
- Ayat-ayat yang terkandung di dalam al-Quran mengandungi 1001 hikmah tersendiri. Sebagai contoh, Rasulullah telah bersabda bahawa barangsiapa yang membaca surah Al-Ikhlâs, maka seakan-akan dia telah membaca satu pertiga Al-Qur'an" (Hadith Riwayat Ahmad dan An Nasai).
- Dalam sebuah hadith telah dinyatakan, Rasulullah telah berfirman bahawa segala sesuatu mempunyai hati, dan hati bagi Al-Quran ialah surah Yasin. Barangsiapa membaca surah Yasin Allah SWT akan menulis pahala baginya seumpama ia membaca seluruh Al-Quran sebanyak sepuluh kali.
- Ayat-ayat al-Quran adalah penawar untuk penawar segala penyakit dan keduakaan. Insya Allah, orang yang sentiasa dekat dengan al-Quran dan beramal dengannya akan dipelihara daripada segala musibah .
- Oleh itu, marilah kita sama-sama berusaha menambahkan ilmu kita mengenai al-Quran di samping memperbanyakkan bacaan al-Quran itu sendiri. Jangan sehingga kesibukan duniawi menghalang kita dalam mengenali ayat-ayat Allah yang agung. Usahakanlah untuk membaca al-Quran walaupun hanya sehelai sehari.